

Tuan/Puan,

TAWARAN SEWAAN TANAH BAGI KEGUNAAN (PERTANIAN)

KELUASAN : 1.0273 HEKTAR
NO. HAK MILIK : HS(D) 5049 PT 3504
MUKIM : ULU TELOM
DAERAH : CAMERON HIGHLANDS

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah menimbang dan bersetuju menawarkan sewaan tanah kepada tuan/puan dengan keluasan dan keterangan sepertimana termaktub di atas.

3. Adalah dimaklumkan selanjutnya bahawa susulan keputusan tersebut, Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju menetapkan terma dan syarat sewaan seperti berikut: -

(a) Penetapan Kadar dan Tempoh Sewaan

- (1) Kadar sewaan ditetapkan sebanyak **RM4,500.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu Lima Ratus Sahaja)** seekor setahun dan bolehlah dibayar secara ansuran sebanyak empat (4) kali setahun atau setiap suku tahun.
- (2) Tempoh sewaan adalah selama **tiga (3) tahun** dengan opsyen penyambungan selama dua (2) tahun mulai 29 Januari 2020.

(b) Penetapan Bayaran Deposit

- (1) Membayar deposit sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja).
- (2) Bayaran deposit perlu dijelaskan bersama surat setuju terima tawaran dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan. Bayaran deposit ini tidak akan dikembalikan sekiranya pihak tuan/puan melanggar apa-apa syarat tawaran ini.

(c) Penetapan Syarat-Syarat Khas Penyewaan

- (1) Perjanjian Penyewaan antara tuan/puan dan Pahang Corporation Sdn. Bhd. (PCSB) akan ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat tawaran ini. Format perjanjian akan ditetapkan dan sebarang pindaan adalah tidak dibenarkan.
- (2) Sebelum menandatangani Perjanjian Penyewaan, tuan/puan hendaklah menjelaskan keseluruhan tunggakan bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS).
- (3) Tuan/puan hendaklah mendapatkan pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practice* (myGAP) dalam tempoh tiga puluh (30) bulan dari tarikh surat tawaran ini.
- (4) Penyewa hendaklah menanggung kos pensijilan myGAP, kos juru ukur dan kos guaman. Kos ini adalah tidak termasuk dalam kadar sewa yang telah ditetapkan.
- (5) Setelah Perjanjian Penyewaan ditandatangani, PCSB akan membantu tuan/puan untuk memohon tuntutan catiteraan sewaan bebas daftaran dengan Pendaftar Hak Milik Negeri Pahang.

(d) Penetapan Syarat-Syarat Umum Sewaan

- (1) Tuan/puan perlu mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa termasuklah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 dan Enakmen Sumber Air Negeri Pahang 2007.
- (2) Tuan/puan dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan, Pengurusan Air Pahang Berhad, Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan serta jabatan teknikal yang lain sebelum, semasa dan selepas tempoh sewaan.

- (3) Semua kerja tanah hendaklah mendapat permit kerja tanah daripada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan permit kerja tanah tersebut perlu dibuat di Pejabat PCSB.
- (4) Tuan/puan dikehendaki menyiapkan kerja-kerja ukur dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh surat kelulusan dan mengemukakan pelan-pelan yang berkaitan kepada PCSB. Penyewa dikehendaki menanggung segala kos yang berkaitan seperti kos kerja ukur, kos pembersihan kawasan, kos penyediaan pelan dan sebagainya. Tuan/Puan adalah tidak dibenarkan menuntut apa-apa bentuk bayaran daripada PCSB berhubung kos-kos yang telah dikeluarkan.
- (5) Semua kerja pembangunan tanah tidak boleh dilaksanakan bagi kawasan berkecerunan 11° atau lebih.
- (6) Penggunaan jentera berat adalah dilarang sama sekali.
- (7) Tuan/puan dikehendaki mengemukakan maklumat guna tanah sedia ada di tapak dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan dan laporan status guna tanah semasa setiap enam (6) bulan kepada PCSB.
- (8) Tuan/puan adalah tidak dibenarkan sama sekali pada bila-bila masa menyewakan semula atau melepaskan hak penggunaan tanah ini kepada mana-mana pihak lain.
- (9) Tuan/puan tidak boleh mewariskan sewaan tanah ini jika berlaku kematian/kebankrapan. Perjanjian adalah tamat sekiranya penyewa asal meninggal dunia/bankrap.
- (10) Tanah ini tidak boleh dicagarkan kepada mana-mana bank atau institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman atau pembiayaan.
- (11) Tuan/puan dikehendaki memulakan pelaksanaan projek ini dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat kelulusan dan menyiapkan projek dalam tempoh tidak melebihi satu (1) tahun dari tarikh mulanya pelaksanaan projek.

- (12) Tuan/puan hendaklah mendirikan papan tanda yang mempamerkan maklumat sewaan seperti nama penyewa, keluasan dan tempoh sewaan.
- (13) Tuan/puan dikehendaki menyediakan jalan masuk ke tapak projek dengan kos ditanggung sendiri. Tuan/puan adalah dilarang menghalang pemlik atau mana-mana pihak di lot belakang daripada akses memasuki tanah mereka.
- (14) Tuan/puan hendaklah mempunyai tapak pelupusan sisa pertanian sendiri (jika berkaitan) dan menguruskannya dengan baik.
- (15) Tuan/puan hendaklah membenarkan PCSB atau mana-mana jabatan/agensi Kerajaan untuk memasuki tanah bagi tujuan memeriksa tapak.
- (16) Tuan/puan boleh dikenakan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh PCSB berdasarkan peraturan semasa.

(e) Penetapan Keadaan Tanah

- (1) Tuan/puan hendaklah membuat pemeriksaan tanah yang terlibat dan sewaan adalah berasaskan kepada "sebagaimana dan di mana ada" (as is where is basis) dan bersetuju untuk menerima sebagaimana suasana, tempat dan keadaan hartanah tersebut. Kerajaan Negeri/PCSB tidak bertanggungjawab terhadap apa jua kerugian yang akan/mungkin ditanggung oleh tuan/puan berkaitan dengan apa jua keadaan dan status tanah tersebut.

(f) Penetapan Indemniti

- (1) Tuan/puan akan memberi jaminan/indemniti kepada pihak PCSB dan sentiasa menanggung rugi pihak PCSB terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kos, ganti rugi dan/atau perbelanjaan (termasuk kos guaman dengan cara menanggung rugi sepenuhnya) yang penyewa mungkin akan belanja, tanggung atau hadapi, berkaitan dengan kelulusan ini :
 - a. Disebabkan mana-mana kemungkiran oleh tuan/puan terhadap terma-terma tersebut, syarat-syarat, waad dan/atau pernyataan yang terkandung di dalam syarat-syarat kelulusan dan/atau perjanjian;
 - b. Berkaitan dengan orang Asli.

- c. Berkaitan dengan apa jua penerokaan/ pendudukan secara tidak sah oleh pihak lain dan/atau perkara yang berkaitan dengan status tanah; dan/atau
- d. Disebabkan kecederaan, kematian, kemalangan kepada mana-mana orang atau harta.

(g) Pembatalan Kelulusan

- (1) Kegagalan tuan/puan mematuhi syarat-syarat kelulusan di atas dan apa-apa pelaksanaan aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan Kerajaan serta Awam boleh menyebabkan kelulusan ini ditarik balik dan dibatalkan tanpa perlu merujuk kepada mana-mana perjanjian.

4. Sekiranya bersetuju menerima tawaran ini, pihak tuan/puan hendaklah mengemukakan dan melengkapkan Surat Setuju Terima (SST) seperti di lampiran berkembar beserta bayaran deposit sebanyak RM1,000.00 dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh surat ini. Sebarang pembayaran hendaklah dibayar kepada PCSB melalui kaedah pindahan wang atau bank deraf ke Akaun Semasa *Maybank Islamic Berhad Pahang Corporation Sdn. Bhd.* no- 5560 1109 8291.

5. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah di atas tawaran ini dan berharap projek yang dirancang akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin untuk kebaikan semua pihak. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, tuan/puan bolehlah berhubung dengan pegawai perkhidmatan pelanggan PCSB di talian 016-520 8879 atau e-mel ke alamat pahangcorporation@gmail.com.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL 'ARIFIN BIN AHMAD)

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Pahang Corporation Sdn. Bhd.

☎ 09-516 1899 ☎ 09-516 1524 ✉ kamarul@pahang.gov.my

s.k:	Timbalan SUK (Pembangunan)	-	untuk makluman
	KPSUK (PSK)	-	untuk makluman

**SURAT SETUJU TERIMA (SST) TAWARAN SEWAAN TANAH
DI DAERAH CAMERON HIGHLANDS**

No. Ruj. Tuan : PCSB/CH/SEWATANAH/
No. Ruj. Kami :
Tarikh :

Ketua Pegawai Eksekutif
Pahang Corporation Sdn. Bhd.
d/a Pejabat Daerah dan Tanah Camerons Highlands
39000 Tanah Rata
Pahang Darul Makmur

Tuan,

TAWARAN SEWAAN TANAH BAGI KEGUNAAN (PERTANIAN)

KELUASAN :
NO. HAK MILIK : HS(D) PT
MUKIM :
DAERAH : CAMERON HIGHLANDS

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya, _____
_____ No. Kad Pengenalan: _____
beralamat di _____

bersetuju menerima tawaran sewaan tanah dengan keluasan dan keterangan
sepertimana tertera dalam surat tawaran.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan salinan kad
pengenalan dan bayaran deposit sebanyak **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu
Ribu Sahaja)**.

4. Saya faham dan akur bahawa dengan penerimaan tawaran ini, pihak saya
adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang termaktub dalam surat tawaran dan
Perjanjian Penyewaan dengan Pahang Corporation Sdn. Bhd yang akan
ditandatangani kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Disaksikan Oleh:

.....
Nama Penyewa:

No. K/P :

No. Tel. :

E-mel :

.....
Nama Saksi :

No. K/P :

No. Tel. :